

Impak pemanasan global sukar dinilai

BH 23/01/08 MAB 8



**Minda
Lestari**

Bersama

Prof Dr Zaini Ujang

E-mel: zaini@utm.my



BENCANA ALAM: Isu perubahan iklim termasuk banjir menyebabkan kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan besar bagi menanganinya.

PERUBAHAN iklim yang semakin tidak menentu sejak kebelakangan ini membuatkan kita tertanya-tanya mengenai corak dan suasana masa depan. Apakah banjir besar akan menjadi suatu rutin tahunan di kawasan yang selama ini dianggap selamat seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan?

Apakah cuaca sejuk melampau yang sedang melanda Arab Saudi dan beberapa negara Asia Barat akan menjadi fenomena biasa pada tahun-tahun mendatang? Dan apa lagi bencana dan fenomena luar biasa berkaitan perubahan iklim yang terpaksa warga dunia tempuhi?

Menyedari hal itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan langkah kerajaan untuk menjadikan faktor perubahan iklim sebagai salah satu cabaran yang perlu ditangani dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan akan disorot secara lebih terperinci dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) nanti.

Kenyataan Najib di Kota Tinggi, Johor ketika melancarkan program penempatan semula mangsa banjir minggu lalu itu dijangka akan memberi impak besar kepada corak dan kerangka pembangunan negara. Dalam ruangan ini, pada 31 Oktober 2007, saya telah menandatangani isu

...perubahan iklim global semata-mata... peningkatan atau penurunan suhu... air iaitu RM1 100 setiap keluarga bagi ru-

komitmen kita menangani isu perubahan iklim. Yang ketara dalam dokumen RMK9, isu perubahan iklim tidak terserlah sebagai faktor asas dalam penggubalan dasar pembangunan. Malah frasa "perubahan iklim" hanya tersudut dalam Pasal 22.19 mengenai "inisiatif lain" pada halaman 485. Dari segi dasar, agenda dan komitmen secara mantap tentang perubahan iklim hanya terserlah menerusi Bajet 2008.

Perlu juga disebutkan bahawa perubahan iklim tidak terhad kepada isu alam sekitar, pengurusan bencana atau kaji cuaca semata-mata. Ia seharusnya merangkumi seluruh struktur dan kerangka pembangunan sesebuah negara. Untuk mengurangkan pelepasan gas karbon, misalnya, sektor tenaga, pengangkutan dan pembiayaan perlu dirombak semula dengan meletakkan sasaran pelepasan karbon sebagai salah satu keutamaan, sebagaimana yang dilakukan banyak negara maju.

Untuk menghadapi hakisan pantai dan kemungkinan banjir kilat, maka pembangunan pantai perlu dirancang dengan lebih teliti dan dipantau sebaiknya. Dan untuk menghadapi risiko banjir bermusim pula, kawasan tadahan hujan perlu dirimbunkan dengan pokok besar atau memperluaskan hutan bandar, di samping sistem saluran mesra alam.

Pada hemat saya, bagi membolehkan isu perubahan iklim ditangani secara lebih efektif dan efisien, kita perlu melakukan anjakan paradigma untuk menghayati pembangunan lestari. Perubahan iklim juga tidak boleh

ditanggapi sebagai isu global semata-mata, tanpa cuba untuk menanganinya sebagai isu nasional yang penting membabitkan seluruh dimensi, sektor dan agensi.

Ketika ini, setiap agensi perlu merangka strategi khusus menangani ketidak-tentuan yang berpunca daripada perubahan iklim, termasuklah sektor pertanian, pelajaran, pelancongan, industri, kewangan dan perdagangan antarabangsa. Pada penilaian saya, isu perubahan iklim di Malaysia ketika ini hanya ditangani dalam sektor pengurusan alam sekitar, sains metereologi dan hubungan antarabangsa.

Selain itu, kenyataan Najib perlu difahami dari perspektif menyeluruh. Dalam banyak hal, kita perlu menangani risiko impak perubahan iklim menggunakan pendekatan serampang dua mata. Pertama, kita perlu bersama-sama seluruh warga alam untuk menjayakan inisiatif mengurangkan kesan perubahan iklim menerusi pengurangan pelepasan gas karbon, dan menambah keupayaan penyerapan gas karbon dioksida menerusi perluasan kawasan hijau dan hutan.

Dalam hal ini pelbagai instrumen dan protokol antarabangsa perlu dilaksanakan dengan sebaiknya, di samping mengambil peluang wujudnya pelbagai insentif kewangan peringkat antarabangsa, seperti Mekanisme Pembangunan Bersih (CDM) dan perdagangan karbon. Kedua; menyediakan prasarana dan pelan tindakan untuk mengurangkan risiko banjir, hakisan pantai,

ditingkatkan atau penurunan suhu memadai dan sebagainya.

Kesemua pendekatan itu memerlukan belanja besar. Namun demikian, jika langkah proaktif tidak segera dilakukan untuk mengurangkan pemanasan global menerusi pelepasan gas karbon secara global dan memperluaskan kawasan hijau pada peringkat lokal, maka belanja yang lebih besar terpaksa ditanggung untuk memperbaiki kerosakan akibat bencana perubahan iklim. Hal ini disadari banyak pihak, termasuklah kerajaan Malaysia.

Menurut Najib, banjir besar yang melanda Johor dan beberapa negeri pada akhir 2006 dan awal 2007 menyebabkan kerajaan kerugian kira-kira RM1 bilion, manakala banjir baru-baru membabitkan kira-kira RM900 juta. Jumlah itu tidak termasuk kerugian dari segi masa, penggemblengan sumber dan kerugian orang perseorangan.

Program penempatan semula mangsa banjir yang dilancar Najib di Johor itu akan dilaksanakan secara berperingkat tetapi berterusan di seluruh negara bagi membolehkan rakyat yang terbabat dengan banjir dapat hidup dalam keadaan lebih selesa dan selamat. Sebagai permulaan, pelaksanaan projek bernilai RM100 juta membatik pembinaan 662 unit rumah dua tingkat dan setingkat untuk mangsa di Kota Tinggi dan Kluang Johor dan Kinabatangan, Sabah. Selain itu, kerajaan turut memberi peruntukan RM100 juta kepada mangsa banjir yang rumah mereka dinaiki

air iaitu, RM1,100 setiap keluarga bagi rumah yang ditenggelami lebih 1.5 meter dan RM700 di bawah paras 1.5 meter.

Inilah sebahagian harga yang terpaksa dibayar akibat impak perubahan iklim. Tetapi kita tidak tahu apakah keadaan itu akan berterusan atau akan semakin parah. Yang pasti, tanpa langkah proaktif menangani perubahan iklim pada peringkat global dan lokal maka kos yang terpaksa ditanggung akan jauh lebih mahal.

Demikianlah rumusan pakar ekonomi tersohor sekali gus ketua penasihat ekonomi kerajaan Brtiain, Sir Nicholas Stern. Menurut Laporan Stern (2006) impak perubahan iklim memberi kesan ketara khususnya kepada sektor ekonomi. Laporan itu juga meramalkan bahawa kos pencegahan pemanasan global jauh lebih menjimatkan berbanding kos menangani kesan dan bencana perubahan cuaca.

Namun demikian, jika tiada tindakan drastik dilakukan maka perubahan iklim akan menyebabkan kerugian yang setara Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) dunia sebanyak lima peratus setahun. Jika risiko dan impak diperluaskan definisinya merangkumi kerugian masa, harta benda perseorangan dan penggemblengan sumber, maka kerugian dalam KDKN menjangkau 20 peratus atau lebih!

Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia (UTM).